

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS  
@ TUBAU [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan Gerbang Sabah dapat memanfaatkan rakyat Sabah dan mengurangkan jurang pembangunan teknologi antara Sabah dengan Semenanjung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar termasuk di negeri Sabah.
2. Di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2020 lalu, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar.
3. Sasaran fasa pertama yang bermula sekarang sehingga tahun 2022 adalah :
  - a. membolehkan penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;
  - b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
  - c. mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.
4. Pelan JENDELA juga akan melibatkan penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir tahun 2021 untuk mengoptimumkan penggunaan spektrum bagi pemantapan rangkaian teknologi 4G.
5. Pelancaran Gerbang Sabah yang diadakan pada 17 September 2020 yang lalu iaitu stesen pendaratan kabel gentian optik dasar laut di Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah mengukuhkan komitmen kerajaan

## SOALAN NO : 34

dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi untuk memastikan kualiti pengalaman di antara pengguna di negeri Sabah dan Sarawak adalah sama dengan pengguna di Semenanjung.

6. Negeri Sabah sebagai penerima terbesar manfaat pelan JENDELA akan mendapat pembangunan infrastruktur telekomunikasi yang lebih menyeluruh. Sehingga tahun 2022, rangkaian gentian optik akan diperluaskan kepada sebanyak 190,115 premis untuk menyediakan akses kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit. Untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula, sejumlah 425 menara baharu akan dibina, manakala sebanyak 2,202 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

7. Bagi membantu rakyat Sabah meningkatkan taraf hidup seiring dengan pelaksanaan pelan JENDELA, SKMM menyusun semula peranan 133 Pusat Internet Komuniti (PIK) yang telah diwujudkan di negeri Sabah. Peranan PIK adalah untuk membangunkan kemahiran penggunaan Internet dan penglibatan e-dagang di kalangan komuniti luar bandar, akan diperkembangkan agar limpahan perkhidmatan, pengetahuan dan peluang ekonomi yang dicetuskan oleh pelaksanaan pelan JENDELA dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat termasuk penduduk di kawasan pedalaman negeri Sabah.

8. Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan.